

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 41

Maklumat berikut telah diambil daripada buku perakaunan Kedai Runcit Rahman yang merujuk kepada urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mei 2017:

Tarikh	Urus niaga
2017 Mei 1	Memulakan perniagaan dengan aset-aset berikut: Van RM25,000 Kelengkapan RM 6,200 Tunai di tangan RM 1,400 Tunai di bank RM 8,000
3	Resit telah diterima untuk bayaran sewa bulan Mei secara cek RM650.
4	Menerima invois dari Pemborong Chong yang menunjukkan jumlah perlu bayar sebanyak RM2,840.
6	Menerima nota kredit dari Pemborong Chong bagi pulangan barang yang rosak berjumlah RM220.
8	Menhantar invois kepada John Bay berjumlah RM960. Kos barang ini ialah RM540.
10	Bil tunai sebanyak RM320 telah dikeluarkan kepada Raju. Kos barang ini adalah RM180.
11	Nota debit telah dihantar kepada John Bay untuk caj angkutan sebanyak RM20.
15	Slip daftar tunai dari Tesco bagi belian alat tulis RM150.
18	Bil tunai daripada Pembekal Ah San RM600 bagi belian barang niaga secara cek.
20	Menerima resit daripada pemborong Chong kerana bayaran sebahagian daripada hutang secara cek RM1,200.
22	Baucar bayaran dikeluarkan untuk gaji pekerja RM1,200. Nombor cek adalah MBB 601448.
26	Mengeluarkan resit kepada John Bay bagi cek yang diterima darai padanya RM750.
29	Baucar bayaran dikeluarkan untuk bayaran tunai bagi bil elektrik dan air RM230.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua urusaniaga di atas.

	Van	Keleng- kapan	Inven- tori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada Mei 1									
3									
4									
6									
8									
10									
11									
15									
18									
20									
22									
26									
29									
Baki pada Mei 31									

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Mei 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.